

Newspaper	Berita Harian
Date	25 September 2015

PM dijangka sentuh pelbagai isu global

» Usaha banteras IS, keganasan melampau antara tumpuan ucapan di UNGA

Kadir Dikoh
kadiro@bh.com.my
New York



Datuk Seri Najib Razak dijangka menyentuh pelbagai isu antara-bangsa terutama isu keganasan melampau pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), Selasa ini.

Perdana Menteri membangkit isu itu pada sidang kemuncak pemimpin, bertujuan menilai kemajuan dalam usaha membanteras militan Negara Islam (IS) dan keganasan melampau, merenung perkara yang boleh dijadikan pengajaran serta membincangkan langkah yang boleh diambil pada masa depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, berkata Najib juga akan berucap pada debat

umum sesi ke-70 UNGA pada Khamis depan, mengenai pelbagai cabaran dihadapi dunia ketika ini dan berkongsi pandangan Malaysia mengenainya.

"Selain itu, Perdana Menteri juga akan menyertai meja bulat peringkat tertinggi mengenai Kejasama Selatan-Selatan Sabtu ini," katanya pada wartawan Malaysia, di sini.

Najib yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor tiba di sini petang Rabu imtuk lawatan keija bagi menghadiri sesi ke-70 UNGA, bersama 170 pemimpin dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama, yang bermula hari ini.

Ketibaan Najib dan isteri, disambut antara lain oleh Ani-

fah; Duta Malaysia di Amerika Syarikat, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Wakil Tetap Malaysia di PBB, Datuk Ramlan Ibrahim.

UNGA tumpu tiga perkara
Anifah berkata, UNGA kali ini memberi tumpuan tiga perkara - bagaimana mencapai objektif, matlamat dan komitmen baharu bagi pembangunan mapan; pengukuhan peranan PBB mengenai keamanan dan keselamatan dan pelaksanaan aspek kerja PBB berkaitan hak asasi manusia, pentadbiran, kedaulatan undang-undang dan gender.

Selain itu katanya, Najib turut menyertai mesyuarat ketua-ketua negara yang terbabit dalam pasukan penyiasat bersama mengenai MHI7 merangkumi Australia, Belanda, Belgium, Malaysia dan Ukraine.

"Saya yakin pembabitn Malaysia pada sesi ke-70 Perhimpunan Agung PBB yang bersejarah ini akan berhasil memajukan lagi keutamaan dan kepentingan negara di peringkat pelbagai hala," katanya.